



Headline: Pesara rugi RM575,350 diperdaya Telephone Scam Language: Malay

Publication/Portal: Berita Harian

Date: 24 September 2019

Section: Nasional

Page: 20

## Pesara rugi RM575,350 diperdaya Telephone Scam

**Kepala Batas:** Seorang pesara kerajaan kerugian semua wang simpanannya lebih setengah juta selepas menjadi mangsa Telephone Scam, di sini, kelmarin.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Utara, Asisten Komisioner Noorzainy Mohd Noor, berkata wanita berusia 61 tahun itu menerima panggilan telefon daripada seorang lelaki mendakwa dari Pejabat Pos Kuantan, Pahang yang memaklumkan bahawa mangsa mempunyai bungkusan terlarang.

Katanya, panggilan itu kemudian disambungkan kepada seorang lagi lelaki yang mendakwa dirinya inspektor dari Ibu Pejabat Polis Kuantan dan memberitahu mangsa terbabit dengan kes pengubahan wang haram.

"Suspek mendakwa 'inspektor' itu meminta mangsa memindahkan sejumlah wang ke dalam akaun yang diberikan supaya kes terbabit digugurkan dan tidak memberitahu perkara itu kepada sesiapa supaya tidak mengganggu siasatan.

"Mangsa yang dalam keadaan ketakutan dan panik sekiranya dipenjarakan, terus menuruti kata-kata 'inspektor' terbabit dan melakukan 28 transaksi pemindahan wang keseluruhan berjumlah RM575,350 ke dalam 15 akaun diberikan kepadanya.

"Semua transaksi dilakukan sejak 16 Ogos sehingga 3 September lalu," katanya, semalam.

Noorzainy berkata, mangsa akhirnya sedar dirinya terperangkap dengan sindiket penipuan berkenaan dan membuat laporan polis.

"Semua wang yang diberikan mangsa kepada suspek adalah wang simpanannya, wang persaraan, simpanan Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sepanjang mangsa bekerja," katanya.

 **Semua wang yang diberikan mangsa kepada suspek adalah wang simpanannya, wang persaraan, simpanan Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sepanjang mangsa bekerja.**

*Noorzainy Mohd Noor,  
Ketua Polis Daerah  
Seberang Perai Utara*